




JABATAN KEWANGAN NEGERI

TINGKAT 23,
KOMPLEKS TUN ABDUL RAZAK (KOMTAR),
PETI SURAT 3007
10990 PULAU PINANG
TEL : 604-262 3505 (PEJABAT AM)
FAKS : 604-263 0725
604-261 4399



Ruj. Kami : JKNPP/03/07/1 Jld. 4 (4/)
Tarikh : 18 Mei 2026

**Ketua Jabatan
Negeri Pulau Pinang**

YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./lr./Tuan/Puan,

PENGECUALIAN CUKAI PENDAPATAN KE ATAS BANTUAN KHAS KEWANGAN DAN BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI TAHUN 2026 KEPADA PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan Malaysia melalui surat rujukan MOF.700-3/1/809 JLD.3 (S) (17) bertarikh 20 April 2026 telah bersetuju meluluskan pengecualian cukai pendapatan ke atas **Bantuan Khas Kewangan (BKK) termasuk Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) Tahun 2026 kepada Perkhidmatan Awam Negeri**, terhad sehingga **RM1,000.00** yang dibayar dalam tahun 2026 **hanya kepada penjawat awam Gred 15 dan ke bawah sahaja**. Bayaran BKK dan BKKA yang selebihnya adalah tertakluk kepada cukai pendapatan.

3. Sepertimana sedia maklum, bayaran BKK dan BKKA yang diproses melalui Modul Gaji sistem perakaunan Kerajaan Negeri telah ditetapkan sebagai pendapatan yang tidak dikenakan cukai. Sehubungan dengan itu, bayaran BKK dan BKKA akan dilaporkan sebagai pendapatan yang tidak dikenakan cukai pada Laporan Penyata Tahunan Individu.

4. Selaras dengan surat Kementerian Kewangan Malaysia di perenggan 2, **adalah menjadi kewajipan setiap pegawai untuk mengisytiharkan lebih BKK dan BKKA sebagai pendapatan bercukai**. Mohon kerjasama pihak YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./lr./Tuan/Puan untuk memaklumkan kepada semua pegawai dan kakitangan mengenai perkara ini. Kerjasama dan perhatian YB Dato' Seri/YB Dato'/Sahibus Samahah/YAA/YBhg. Dato'/Dr./lr./Tuan/Puan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEKAP, AKAUNTABILITI, TELUS"**

Saya yang menjalankan amanah,

(MASNI ARYANTI BINTI MOHAMED AMIN C.A.(M))

Bendahari Negeri

b.p. Pegawai Kewangan Negeri
Pulau Pinang

☎ : 604-6505185

✉ : masni.aryanti@penang.gov.my

zu/ppcb2026